



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 91

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, bagi Courts of Judicature Act 1964. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

Pertama kali diperbuat 1964 (Akta No. 7 tahun
1964)

Disemak 1972 (Akta 91 m.b.p.
1 November 1972)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1988

Cetakan Semula Yang Kedua 1994

Cetakan Semula Yang Ketiga 1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 91

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN DAN AM

Permulaan

Seksyen

1. Nama
2. *(Ditinggalkan)*
3. Tafsiran
4. Peruntukan bagi mencegah percanggahan undang-undang
5. *(Dipotong)*

Am

6. Meterai Mahkamah
7. Proses Mahkamah
8. Keutamaan Hakim
9. Penjalanan kuasa semasa ketidakupayaan atau ketiadaan
10. Pendaftar
11. Pesuruhjaya Sumpah
12. Syerif
13. Penghinaan
14. Perlindungan Hakim dan pegawai kehakiman yang lain
15. Mahkamah hendaklah terbuka dan awam
16. Kaedah-kaedah mahkamah
17. Pembuatan kaedah-kaedah mahkamah
- 17A. Majlis Hakim

BAHAGIAN II
MAHKAMAH TINGGI

Am

Seksyen

18. Prosiding di Mahkamah Tinggi hendaklah dibereskan oleh Hakim tunggal
19. Persidangan Mahkamah Tinggi
20. Pembahagian urusan
21. Cuti

Bidang Kuasa Asal

22. Bidang kuasa jenayah
23. Bidang kuasa sivil — am
24. Bidang kuasa sivil — khusus
- 24A. Rujukan di bawah perintah Mahkamah
25. Kuasa Mahkamah Tinggi
- 25A. Perintah untuk pembayaran interim

Bidang Kuasa Rayuan

26. Bidang kuasa rayuan jenayah
27. Bidang kuasa rayuan sivil
28. Rayuan sivil daripada mahkamah rendah
29. Rayuan sivil hendaklah dengan cara pendengaran semula
30. Rujukan soal perlembagaan oleh mahkamah rendah

Penyemakan

31. Penyemakan prosiding jenayah mahkamah rendah
32. Kuasa Mahkamah Tinggi untuk meminta rekod prosiding sivil di mahkamah rendah
33. Kuasa Mahkamah Tinggi tentang semakan prosiding sivil
34. Tiada penyemakan atas kehendak pihak yang boleh membuat rayuan
35. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan am Mahkamah Tinggi
36. Budi bicara Mahkamah tentang pendengaran pihak
37. Peruntukan khas tentang Negeri-Negeri Tanah Melayu

BAHAGIAN III
MAHKAMAH RAYUAN

Am

Seksyen

38. Keanggotaan Mahkamah Rayuan
39. Persidangan Mahkamah
40. Cuti
41. Bagaimana prosiding diputuskan
42. Penerusan prosiding walaupun Hakim tidak hadir
43. Permohonan
44. Arahan sampingan dan perintah interim

Bidang Kuasa Asal

45-49. (*Dipotong*)

Bidang Kuasa Rayuan — Rayuan Jenayah

50. Bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan jenayah
 51. Notis rayuan
 52. Rekod prosiding
 53. Petisyen rayuan
 54. Tatacara jika perayu berada di dalam penjara
 55. Pemindahan kertas ke Mahkamah Rayuan
 56. Rayuan luar masa dan kecacatan formal
 - 56A. Atas rayuan terhadap pembebasan, tertuduh boleh ditangkap
 57. Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan
 58. Penolakan terus rayuan
 59. Notis dan masa pendengaran
 60. Kuasa Mahkamah Rayuan
 61. Keterangan tambahan
 62. Penghakiman
 63. Penghakiman hendaklah diperakukan
- 64-66. (*Dipotong*)

Bidang Kuasa Rayuan — Rayuan Sivil

Seksyen

67. Bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan sivil
68. Perkara yang tidak boleh dirayu
69. Pendengaran rayuan
70. Kos rayuan
71. Perbicaraan baru
72. Kesilapan tidak material
73. Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Am

74. Keanggotaan Mahkamah Persekutuan
75. Persidangan Mahkamah
76. Cuti
77. Bagaimana prosiding diputuskan
78. Penerusan prosiding walaupun Hakim tidak hadir
79. Permohonan
80. Arahan sampingan dan perintah interim

Bidang Kuasa Asal

81. Bidang kuasa dan kuasa
82. Penghakiman hendaklah bersifat perisytiharan
83. Kos
84. Rujukan soal perlembagaan oleh Mahkamah Tinggi
85. Prosiding di Mahkamah Persekutuan

Bidang Kuasa Rayuan — Rayuan Jenayah

86. Bidang kuasa dan kuasa
87. Bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan jenayah
88. Atas rayuan terhadap pembebasan, tertuduh boleh ditangkap

Seksyen

89. Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan
90. Penolakan terus rayuan
91. Notis dan masa pendengaran
92. Kuasa Mahkamah Persekutuan
93. Keterangan tambahan
94. Penghakiman
95. Penghakiman hendaklah diperakukan

Bidang Kuasa Rayuan — Rayuan Sivil

96. Syarat rayuan
97. Kebenaran untuk merayu
98. Tatacara untuk menguatkuasakan perintah Mahkamah Persekutuan
99. Kos
100. Perbicaraan baru
101. Kesilapan tidak material
102. Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 91

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

Suatu Akta yang berhubungan dengan Mahkamah Kehakiman Atasan.

[*Seluruh Malaysia—16 Mac 1964, L.N. 85/1964*]

BAHAGIAN I

PERMULAAN DAN AM

Permulaan

Nama

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Kehakiman 1964.
2. (*Ditinggalkan*).

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bidang kuasa tempatan” ertinya—

- (a) dalam hal Mahkamah Tinggi di Malaya, wilayah yang termasuk di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan *Kuala Lumpur; dan

*CATATAN—Akta ini terpakai ke Wilayah Persekutuan Putrajaya—melalui seksyen 6 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [*Act A1095*]

(b) dalam hal Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan,

termasuklah dalam mana-mana hal itu, perairan wilayah dan ruang udara di atas Negeri-Negeri itu dan perairan wilayah;

“Hakim” ertinya Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Tinggi, dan termasuklah Ketua Hakim Negara, Presiden dan Hakim Besar;

“Hakim Besar” ertinya Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengikut kehendak keadaan;

“Hari Malaysia” ertinya 16 September 1963;

“kausa” termasuklah apa-apa tindakan, guaman atau prosiding asal yang lain antara plaintif dengan defendan, dan apa-apa prosiding jenayah;

“keputusan” termasuklah penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, mengikut kehendak keadaan;

“mahkamah rendah” ertinya mana-mana mahkamah bawahan yang daripada keputusannya, oleh sebab mana-mana undang-undang bertulis, terdapat hak untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi dan, berhubung dengan Mahkamah Tinggi, ertinya mana-mana mahkamah sedemikian yang, melalui mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai bidang kuasa dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi itu;

“Mahkamah Tinggi” ertinya Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau mana-mana satu daripadanya, mengikut kehendak keadaan;

“pemastautin tetap” ertinya seseorang yang telah diberikan kebenaran untuk bermastautin di Malaysia tanpa had masa di bawah mana-mana undang-undang persekutuan, dan termasuklah seseorang yang dikira sedemikian di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan imigresen;

“Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar dan mana-mana Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 10;

“perkara” termasuklah tiap-tiap prosiding di mahkamah yang tidak dalam sesuatu kausa;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Malaysia;

“Presiden” ertinya Presiden Mahkamah Rayuan;

“prosiding” ertinya apa jua pun prosiding daripada jenis sivil atau jenayah dan termasuklah suatu permohonan pada mana-mana peringkat sesuatu prosiding;

“tindakan” ertinya sesuatu prosiding sivil yang dimulakan dengan writ atau dengan apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, tetapi tidaklah termasuk sesuatu prosiding jenayah.

Peruntukan bagi mencegah percanggahan undang-undang

4. Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan antara Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, selain Perlembagaan, yang berkuat kuasa pada permulaan kuat kuasa Akta ini, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

5. (*Dipotong oleh Akta A606.*)

Am

Meterai Mahkamah

6. (1) Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai dan menggunakan, mengikut kehendak keadaan, suatu meterai atau cap daripada jenis dan corak yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(1A) Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai dan menggunakan, mengikut kehendak keadaan, suatu meterai atau cap daripada jenis dan corak yang ditetapkan oleh Presiden melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai dan menggunakan, mengikut kehendak keadaan, suatu meterai atau cap daripada jenis dan corak yang ditetapkan oleh Hakim Besar melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Proses Mahkamah

7. (1) Segala apa jua pun writ, saman, waran, perintah, kaedah, notis dan proses mandatori, sama ada sivil atau jenayah, hendaklah dikeluarkan dan hendaklah dinyatakan sebagai dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama Yang di-Pertuan Agong dan hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar dan dimeterai atau dicap dengan meterai atau cap Mahkamah yang mengeluarkan atau membuatnya.

(2) Segala apa jua pun writ, saman, waran, perintah, kaedah, notis dan proses lain, sama ada sivil atau jenayah, yang dikeluarkan atau dibuat oleh atau dengan kuasa Mahkamah berkenaan dengan apa-apa kausa atau perkara dalam bidang kuasanya hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan penuh dan boleh disampaikan atau dilaksanakan di mana-mana jua di dalam Malaysia.

Keutamaan Hakim

8. Hakim-Hakim hendaklah mempunyai keutamaan mengikut susunan yang berikut:

(a) Ketua Hakim Negara;

- (b) Presiden;
- (ba) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya;
- (bb) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak;
- (c) Hakim Mahkamah Persekutuan mengikut kedahuluan pelantikan mereka masing-masing sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan jika mereka dilantik pada tarikh yang sama, mengikut susunan yang ditetapkan untuk mereka oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (ca) Hakim Mahkamah Rayuan mengikut kedahuluan pelantikan mereka masing-masing sebagai Hakim Mahkamah Rayuan dan jika mereka dilantik pada tarikh yang sama, mengikut susunan yang ditetapkan untuk mereka oleh Yang di-Pertuan Agong; dan
- (d) Hakim lain mengikut kedahuluan pelantikan mereka masing-masing sebagai Hakim dan jika mereka dilantik pada tarikh yang sama, mengikut susunan yang ditetapkan untuk mereka oleh Yang di-Pertuan Agong.

Penjalanan kuasa semasa ketidakupayaan atau ketiadaan

9. (1) Bilamana semasa apa-apa tempoh, disebabkan oleh sakit atau ketiadaan di Malaysia atau apa-apa sebab lain, Ketua Hakim Negara tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan tugas jawatannya (termasuk fungsinya di bawah Perlembagaan) atau sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu, kuasa itu hendaklah dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu hendaklah dilaksanakan—

- (a) oleh Presiden; atau
- (b) jika Presiden tidak ada di Malaysia atau tidak dapat bertindak, atau sekiranya berlaku kekosongan jawatan itu, oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya; atau
- (c) jika Presiden dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya tidak ada di Malaysia atau tidak dapat bertindak, atau sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu, oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak; atau

(d) jika Presiden, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak tidak ada di Malaysia atau tidak dapat bertindak, atau sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu, oleh Hakim Mahkamah Persekutuan yang dinamakan bagi maksud itu oleh Yang di-Pertuan Agong.

(1A) Bilamana semasa apa-apa tempoh, disebabkan oleh sakit atau ketiadaan di Malaysia atau apa-apa sebab lain, Presiden tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan tugas jawatannya, kuasa itu hendaklah dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Presiden.

(1B) Bilamana semasa apa-apa tempoh, disebabkan oleh sakit atau ketiadaan di Malaysia atau apa-apa sebab lain, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan tugas jawatannya, kuasa-kuasa itu hendaklah dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Hakim Besar bagi Mahkamah Tinggi itu.

(2) Bilamana semasa apa-apa tempoh, disebabkan oleh sakit atau ketiadaan di Malaysia atau apa-apa sebab lain, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan tugas jawatannya, kuasa itu hendaklah dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi itu yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu.

(3) Jika jawatan Presiden atau Hakim Besar kosong, kuasa Presiden atau mana-mana Hakim Besar itu hendaklah dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu hendaklah dilaksanakan oleh—

(a) Hakim Mahkamah Persekutuan; atau

- (b) berkenaan dengan kekosongan dalam jawatan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi itu,

yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Ketua Hakim Negara.

Pendaftar

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), Ketua Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi boleh menjalankan kuasa dan melaksanakan tugas Ketua Pendaftar atau Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan masing-masingnya.

(3) Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah, tertakluk kepada Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, mempunyai bidang kuasa, kuasa dan tugas yang sama seperti *Master of the Supreme Court*, Kerani Mahkamah Jenayah, Pendaftar dan pegawai yang seumpamanya di *Master Court of Judicature* di England dan, sebagai tambahan, apa-apa bidang kuasa, kuasa dan tugas selanjutnya yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

(4) Majistret yang had tempatan bidang kuasanya meluas kepada bandar yang dalamnya terletak pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi hendaklah menjadi Penolong Kanan Pendaftar *ex-officio* bagi Mahkamah Tinggi itu bagi segala maksud.

Pesuruhjaya Sumpah

11. (1) Mana-mana Pendaftar dan mana-mana orang yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara untuk menjadi Pesuruhjaya Sumpah (tertakluk kepada apa-apa had yang dinyatakan dalam pelantikannya) boleh melakukan segala atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) menerima pengakuan perempuan bersuami dalam segala hal yang pengakuan dikehendaki oleh undang-undang supaya diambil di hadapan seorang pegawai awam;
- (b) menerima pengakuan ikatan jaminan dan bon jaminan;
- (c) mengendalikan sumpah bagi—
 - (i) justifikasi bagi jaminan;
 - (ii) mengambil apa-apa affidavit atau ikrar;
 - (iii) menerima dan mengambil jawapan, pli, demurer, penolak tuntutan, pengataan atau pemeriksaan mana-mana pihak atau pihak kepada apa-apa tindakan;
 - (iv) pemeriksaan mana-mana saksi atas apa-apa interogatori atau secara *de bene esse* atau secara utama atau pada bila-bila masa lain;
 - (v) mengambil sumpah wasi dan pentadbir; dan
 - (vi) mengambil sumpah orang dalam apa-apa tindakan, perkara atau prosiding yang belum selesai atau yang baru hendak dimulakan di mana-mana mahkamah dalam mana-mana bidang kuasanya; dan
- (d) mengambil dan menerima akuan berkanun.

(2) Ketua Hakim Negara boleh membuat keadah-kaedah bagi pelantikan, kelakuan, fi yang hendaklah dikenakan oleh, dan bagi segala benda yang bersangkutan dengan, Pesuruhjaya Sumpah dan orang yang dilantik olehnya di bawah subseksyen (1).

Syerif

12. (1) Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah menjadi Syerif dan hendaklah ada bailif, penghantar saman dan pegawai rendah yang lain sebagaimana yang dilantik.

(2) Syerif atau pegawainya hendaklah melaksanakan segala writ, saman, waran, perintah, kaedah, notis, suruhan dan proses lain mana-mana Mahkamah yang diberikan kepadanya oleh Mahkamah itu bagi maksud itu, dan hendaklah membuat suatu penyata mengenainya serta cara pelaksanaannya kepada Mahkamah yang daripadanya proses itu dikeluarkan, dan hendaklah menerima semua orang yang dikomitkan ke dalam jagaannya oleh Mahkamah.

(3) Syerif atau pegawainya dalam melaksanakan apa-apa writ penyitaan dan penjualan atau apa-apa writ pelaksanaan atau distress yang lain boleh memasuki mana-mana bangunan, dan bagi maksud itu jika perlu boleh memecah buka mana-mana pintu atau tingkap di bahagian luar atau dalam bangunan itu atau apa-apa bekas di dalamnya, dengan menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu bagi memasukinya.

Penghinaan

13. Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa untuk menghukum apa-apa penghinaan terhadap dirinya.

Perlindungan Hakim dan pegawai kehakiman yang lain

14. (1) Tiada seorang pun Hakim atau seorang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana mahkamah sivil kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan supaya dilakukan olehnya dalam menjalankan tugas kehakimannya, sama ada atau tidak dalam had bidang kuasanya, dan tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa pada masa itu dia dengan suci hati mempercayai yang dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan atau memerintahkan perbuatan yang diadukan itu.

(2) Tiada seorang pun pegawai mana-mana mahkamah atau seorang lain yang terikat untuk melaksanakan waran atau perintah yang sah yang dibuat oleh mana-mana Hakim atau orang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana mahkamah sivil kerana pelaksanaan apa-apa waran atau perintah yang dia akan terikat untuk melaksanakannya jika dalam bidang kuasa orang yang mengeluarkan waran atau perintah itu.

(3) Tiada seorang pun syerif, bailif atau pegawai lain Mahkamah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas melaksanakan apa-apa penghakiman, perintah atau waran distress, atau menahan apa-apa harta sebelum penghakiman, boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana mahkamah sivil berkenaan dengan apa-apa harta yang telah disita olehnya, atau berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada apa-apa harta dalam melaksanakan atau mencuba untuk melaksanakan penyitaan itu, melainkan jika didapati bahawa dia dengan disedarinya telah bertindak melebihi kuasa yang diberikan kepadanya oleh writ, waran atau perintah yang berkenaan itu, dan dia tidaklah boleh disifatkan telah bertindak dengan disedarinya melebihi kuasanya semata-mata oleh sebab dia mengetahui tentang kewujudan sesuatu pertikaian tentang pemunyaan harta yang disita sedemikian.

Mahkamah hendaklah terbuka dan awam

15. (1) Tempat yang dalamnya mana-mana Mahkamah diadakan bagi maksud membicarakan apa-apa kausa atau perkara, sivil atau jenayah, hendaklah disifatkan sebagai suatu mahkamah terbuka dan awam yang kepadanya orang ramai pada amnya mempunyai akses:

Dengan syarat bahawa Mahkamah itu hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa kausa atau perkara atau mana-mana bahagiannya secara tertutup jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah suai manfaat untuk berbuat demikian demi kepentingan keadilan, kesejahteraan awam, keselamatan awam atau kesusilaan, atau kerana sebab lain yang mencukupi.

(2) Sesuatu Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan bahawa tiada seorang pun boleh menyiarkan nama, alamat atau fotograf mana-mana saksi dalam apa-apa kausa atau perkara atau mana-mana bahagiannya yang dibicarakan atau diadakan atau yang akan dibicarakan atau diadakan di hadapannya, atau apa-apa keterangan atau apa-apa benda lain yang mungkin membawa kepada pengenalan mana-mana saksi itu; dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar mana-mana perintah itu melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kaedah-kaedah mahkamah

16. Kaedah-kaedah mahkamah boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) bagi mengawal selia dan menetapkan tatacara (termasuk aturan pliding) dan amalan yang hendaklah diikuti di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dalam segala apa jua pun kausa dan perkara yang dalamnya atau berkenaan dengannya Mahkamah itu pada masa ini mempunyai bidang kuasa (termasuk tatacara dan amalan yang hendaklah diikuti di pejabat pendaftaran Mahkamah itu), dan apa-apa perkara yang bersampingan dengan atau yang berhubungan dengan apa-apa tatacara atau amalan itu, termasuk (tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu) cara yang mengikutnya, dan masa yang dalamnya, apa-apa permohonan yang akan dibuat kepada Mahkamah Tinggi, kepada Mahkamah Rayuan atau kepada Mahkamah Persekutuan hendaklah dibuat;
- (b) bagi mengawal selia dan menetapkan tatacara mengenai rayuan sivil atau jenayah daripada mana-mana mahkamah atau orang kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan;
- (c) *(Dipotong oleh Akta A606)*;
- (d) bagi mengawal selia penguatkuasaan dan pelaksanaan oleh suatu Mahkamah Tinggi dekri, penghakiman dan perintah Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi yang satu lagi;
- (e) bagi menetapkan bahagian manakah daripada urusan yang boleh ditransaksikan dan daripada bidang kuasa yang boleh dijalankan oleh Hakim dalam mahkamah atau dalam kamar boleh ditransaksikan atau dijalankan oleh Pendaftar;
- (f) bagi menetapkan fi dan peratusan yang hendaklah diambil di dalam mana-mana Mahkamah dan bagi mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan kos prosiding di dalam mana-mana Mahkamah;

- (g) bagi mengawal selia cara yang melaluinya fakta tertentu boleh dibuktikan, dan kaedah yang mengikutnya keterangan mengenainya boleh diberikan, dalam apa-apa prosiding atau atas apa-apa permohonan berkaitan dengan, atau pada mana-mana peringkat, apa-apa prosiding;
- (h) bagi mengawal selia percantuman pihak dan bagi menetapkan dalam hal-hal apakah orang yang tidak hadir, tetapi mempunyai kepentingan dalam sesuatu kausa atau perkara, hendaklah terikat dengan apa-apa perintah yang dibuat dalamnya, dan dalam hal apakah perintah boleh dibuat bagi perwakilan orang yang tidak hadir oleh satu pihak atau lebih dalam sesuatu kausa atau perkara;
- (i) bagi mengawal selia kadar bunga yang kena dibayar atas segala hutang, termasuklah hutang penghakiman, atau atas jumlah wang yang didapati kena dibayar ketika mengambil akaun antara pihak, atau atas jumlah wang yang didapati kena dibayar dan belum dijelaskan oleh penerima atau orang lain yang bertanggungjawab untuk memberi akaun kepada Mahkamah:

Dengan syarat bahawa apa-apa kadar bunga tidak boleh sekali-kali melebihi lapan peratus setahun, melainkan jika telah dipersetujui selainnya antara pihak-pihak;

- (j) bagi mengawal selia kaedah yang mengikutnya sesuatu writ penyitaan dan penjualan boleh dilaksanakan, dan cara yang mengikutnya penyitaan boleh dibuat ke atas apa-apa harta yang boleh disita di bawahnya, dan kaedah penjualan oleh Syerif atau mana-mana pegawai lain Mahkamah apa-apa harta yang disita sedemikian, dan cara yang mengikutnya hak dan hakmilik pembeli harta itu di mana-mana penjualan oleh mana-mana pegawai Mahkamah boleh dijamin kepada pembeli;
- (k) bagi mengawal selia penzahiran harta penghutang penghakiman untuk membantu pelaksanaan apa-apa penghakiman;
- (l) bagi mengawal selia pengambilan keterangan di hadapan seorang pemeriksa atau atas tauliah atau dengan surat permintaan, dan bagi menetapkan hal keadaan yang dalamnya keterangan yang diambil sedemikian boleh dibaca dalam perbincangan sesuatu tindakan;

- (m) bagi menetapkan dalam hal apakah Mahkamah boleh bertindak atas perakuan akauntan, aktuari atau orang sains lain;
- (n) bagi menetapkan tugas Akauntan Negara berkenaan dengan wang atau harta dalam jagaan Mahkamah, dan khususnya bagi menetapkan kaedah pemindahan sekuriti kepada nama Akauntan Negara, dan cara pelaburan mana-mana wang itu, dan kadar bunga yang hendaklah dikenakan ke atasnya, dan, sehingga peruntukan lain dibuat berkenaan dengannya, cara yang mengikutnya wang tidak dituntut boleh diperlakukan;
- (o) bagi meminda, menukar atau menambah borang yang dinyatakan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tatacara jenayah; dan
- (p) bagi apa-apa maksud yang baginya kaedah-kaedah mahkamah boleh dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Pembuatan kaedah-kaedah mahkamah

17. (1) Kaedah-kaedah mahkamah di bawah seksyen 16 boleh dibuat oleh suatu Jawatankuasa Kaedah-Kaedah yang dilantik sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(2) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:

- (a) Ketua Hakim Negara, yang hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu;
- (b) Presiden;
- (c) Hakim-Hakim Besar;
- (d) seorang Hakim Mahkamah Persekutuan, seorang Hakim Mahkamah Rayuan, seorang Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya, dan seorang Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, yang hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Negara bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan secara bertulis;
- (e) Peguam Negara, atau penamanya;

- (f) Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur;
- (g) tiga orang peguam bela, seorang yang menjalankan amalan di Negeri di Semenanjung Malaysia, seorang yang menjalankan amalan di Sabah dan seorang yang menjalankan amalan di Sarawak, yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara bagi apa-apa tempoh yang dinyatakannya secara bertulis; dan
- *(h) Ketua Setiausaha Kementerian Undang-Undang, atau penamanya.

(2A) Sekiranya Ketua Hakim Negara tidak hadir, Presiden atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang hadir hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu.

(3) Dalam apa-apa mesyuarat Jawatankuasa Kaedah-Kaedah lima orang anggotanya membentuk kuorum. Segala soal hendaklah diputuskan dengan undi lebih suara anggota yang hadir dan mengundi:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada kaedah boleh dibuat berhubung dengan Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan tanpa persetujuan Ketua Hakim Negara baginya; dan
- (b) tiada kaedah boleh dibuat berhubung dengan mana-mana Mahkamah Tinggi tanpa persetujuan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu baginya.

(3A) Kaedah-kaedah mahkamah yang mempunyai implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada Kerajaan bagi kelulusannya.

(4) Kaedah-kaedah mahkamah hendaklah disiarkan dalam *Warta*, dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyiaran atau pada apa-apa tarikh lain yang ditentukan dalamnya.

(5) Kaedah-kaedah mahkamah hendaklah dibentangkan dihadapan Dewan Rakyat pada mesyuarat pertama selepas penyiarannya, dan bolehlah tidak dipersetujui keseluruhannya atau sebahagiannya melalui suatu ketetapan Dewan Rakyat.

(6) (*Ditinggalkan*).

(7) (*Ditinggalkan*).

*CATATAN—Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 1991 [P.U. (A) 176/1991] dibatalkan oleh Perintah Menteri-Menteri kerajaan Persekutuan 1995 [P.U. (A) 203/1995].

Majlis Hakim

17A. (1) Ketua Hakim Negara boleh memanggil mesyuarat Majlis semua Hakim sebagaimana dan apabila didapatinya perlu tetapi supaya ada sekurang-kurangnya satu mesyuarat pada setiap tahun.

(1A) Presiden boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Negara, memanggil mesyuarat Majlis Hakim Mahkamah Rayuan sebagaimana dan apabila didapatinya perlu.

(2) Hakim Besar boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Negara, memanggil mesyuarat Majlis Hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana dan apabila didapatinya perlu.

BAHAGIAN II

MAHKAMAH TINGGI

Am

Prosiding di Mahkamah Tinggi hendaklah dibereskan oleh Hakim tunggal

18. (1) Tiap-tiap prosiding di Mahkamah Tinggi dan segala urusan yang timbul daripadanya hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis, didengar dan dibereskan di hadapan Hakim tunggal.

(2) Bilamana mana-mana Hakim, setelah mendengar dan merekodkan keseluruhan atau mana-mana bahagian keterangan dalam sesuatu prosiding, tidak dapat melalui kematian, sakit atau sebab lain untuk menyelesaikan prosiding itu, seorang Hakim lain boleh—

(a) meneruskan prosiding itu dari peringkat yang Hakim terdahulu itu berhenti dan—

(i) bertindak atas keterangan yang telahpun direkodkan oleh Hakim terdahulu; atau

(ii) bertindak atas keterangan yang sebahagiannya direkodkan oleh Hakim terdahulu dan sebahagiannya oleh beliau sendiri; atau

(b) memanggil semula saksi dan memulakan semula prosiding.

(3) Jika Hakim bertindak di bawah subperenggan (2)(a)(i) dia boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak kepada prosiding itu, memanggil semula mana-mana saksi berkenaan dengan mana-mana bahagian keterangan yang telahpun direkodkan, atau dia boleh mengambil keterangan mereka semula:

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan prosiding jenayah, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan boleh, atas rayuan, mengetepikan mana-mana sabitan atas keterangan yang tidak keseluruhannya direkodkan oleh Hakim yang di hadapannya sabitan itu dibuat jika Mahkamah itu berpendapat bahawa tertuduh itu terjejas olehnya secara material, dan boleh memerintahkan suatu perbicaraan baru.

Persidangan Mahkamah Tinggi

19. Mahkamah Tinggi hendaklah bersidang pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Hakim Besar dari semasa ke semasa.

Pembahagian urusan

20. Pembahagian urusan di kalangan Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah dibuat mengikut apa-apa arahan, yang bolehlah bersifat am atau khusus, sebagaimana yang diberikan oleh Hakim Besar.

Cuti

21. Hakim Besar boleh membuat kaedah-kaedah tentang cuti Mahkamah Tinggi yang tidak melebihi satu bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

Bidang Kuasa Asal

Bidang kuasa jenayah

22. (1) Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan—

(a) segala kesalahan yang dilakukan—

- (i) dalam bidang kuasa tempatannya;
- (ii) di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia;

- (iii) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana pesawat udara;
 - (iv) oleh mana-mana orang di laut lepas jika kesalahan itu ialah kesalahan pelanun mengikut undang-undang antarabangsa; dan
- (b) kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan [*Akta 574*], dan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Kesalahan-Kesalahan Di Luar Negeri 1976 [*Akta 163*], atau kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang pelakuannya diperakui oleh Peguam Negara sebagai menjejaskan keselamatan Malaysia, yang dilakukan, mengikut mana-mana yang berkenaan—
- (i) di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia;
 - (ii) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana pesawat udara; atau
 - (iii) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di mana-mana tempat di luar sempadan Malaysia.

(2) Mahkamah Tinggi boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang.

Bidang kuasa sivil — am

23. (1) Tertakluk kepada had yang terkandung dalam Perkara 128 Perlembagaan, Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala prosiding sivil jika—

- (a) kausa tindakannya berbangkit;
- (b) defendan atau salah seorang daripada beberapa orang defendan bermastautin atau mempunyai tempat urusannya;

- (c) fakta yang atasnya prosiding itu diasaskan wujud atau dikatakan telah berlaku; atau
- (d) mana-mana tanah yang pemunyaannya dipertikaikan terletak,

dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah itu dan, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini, dalam apa-apa hal, jika semua pihak bersetuju secara bertulis, dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi yang satu lagi itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa yang terletak hak padanya sebelum sahaja Hari Malaysia dan apa-apa bidang kuasa lain yang terletak hak padanya oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa tempatannya.

Bidang kuasa sivil — khusus

24. Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 23, bidang kuasa sivil Mahkamah Tinggi hendaklah termasuk—

- (a) bidang kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perceraian dan kausa hal ehwal suami isteri;
- (b) bidang kuasa dan kuasa yang sama berhubungan dengan perkara admiralti seperti yang dipunyai oleh Mahkamah Keadilan Tinggi di England di bawah Akta Mahkamah Agung 1981 bagi United Kingdom;
- (c) bidang kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebangkrapan atau syarikat;
- (d) bidang kuasa untuk melantik dan mengawal penjaga budak dan pada amnya ke atas diri dan harta budak;
- (e) bidang kuasa untuk melantik dan mengawal penjaga dan pengawas diri dan estet orang dungu, orang bercelaru mental dan orang tidak sempurna akal; dan
- (f) bidang kuasa untuk memberikan probet bagi wasiat dan testamen dan surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka orang yang mati meninggalkan harta dalam bidang kuasa wilayah Mahkamah itu dan untuk menukar atau membatalkan pemberian itu.

Rujukan di bawah perintah Mahkamah

24A. (1) Mahkamah Tinggi boleh merujuk apa-apa soal yang berbangkit dalam apa-apa kausa atau perkara, selain sesuatu prosiding jenayah oleh Pendakwa Raya, bagi siasatan atau laporan kepada mana-mana referi khas. Laporan seseorang referi khas boleh diterima pakai keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Mahkamah Tinggi dan dikuatkuasakan sebagai suatu dekri, penghakiman atau perintah yang memberikan kesan yang sama.

(2) Dalam apa-apa kausa atau perkara selain sesuatu prosiding jenayah oleh Pendakwa Raya—

- (a) jika semua pihak yang berkepentingan yang tidak menanggung ketidakupayaan bersetuju;
- (b) jika kausa atau perkara itu menghendaki apa-apa pemeriksaan dokumen yang berpanjangan atau apa-apa penyiasatan saintifik atau tempatan yang, pada pendapat Mahkamah Tinggi, tidak dapat dijalankan dengan mudah oleh Mahkamah itu melalui pegawai biasanya; atau
- (c) jika soal yang dipertikaikan itu terdiri, keseluruhannya atau sebahagiannya, daripada perkara akaun,

Mahkamah Tinggi boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya seluruh kausa atau perkara itu atau apa-apa soal atau persoalan fakta yang berbangkit dalam kausa atau perkara itu dibicarakan di hadapan seorang referi khas atau penimbang tara yang dipersetujui masing-masingnya oleh pihak itu atau di hadapan seorang pegawai Mahkamah itu.

(3) (a) Dalam segala hal, rujukan kepada seseorang referi khas atau penimbang tara di bawah sesuatu perintah Mahkamah Tinggi dalam apa-apa kausa atau perkara, referi khas atau penimbang tara itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Mahkamah dan hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah menjalankan rujukan itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, dan tertakluk kepada yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi.

(b) Laporan atau award mana-mana referi khas atau penimbang tara atas apa-apa rujukan itu hendaklah, melainkan jika diketepikan oleh Mahkamah Tinggi, menjadi setara dengan dekri, penghakiman atau perintah Mahkamah itu.

(c) Saraan yang hendaklah dibayar kepada mana-mana referi khas atau penimbang tara yang kepadanya apa-apa perkara dirujukkan di bawah perintah Mahkamah Tinggi hendaklah ditentukan oleh Mahkamah itu.

(4) Mahkamah Tinggi hendaklah, tentang rujukan di bawah perintah Mahkamah, mempunyai segala kuasa yang diberikan oleh Akta Timbang Tara 1952 [*Akta 93*] kepada Mahkamah Tinggi tentang rujukan dengan persetujuan di luar Mahkamah.

Kuasa Mahkamah Tinggi

25. (1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 121 Perlembagaan, Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasanya hendaklah mempunyai segala kuasa yang telah terletak hak padanya sebaik sebelum Hari Malaysia dan apa-apa kuasa lain yang terletak hak padanya oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa tempatannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa tambahan yang dinyatakan dalam Jadual:

Dengan syarat bahawa segala kuasa itu hendaklah dijalankan mengikut mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang berhubungan dengannya.

Perintah untuk pembayaran interim

25A. (1) Tentang prosiding yang belum selesai di Mahkamah Tinggi, peruntukan boleh dibuat melalui kaedah-kaedah mahkamah bagi membolehkan Mahkamah dalam apa-apa hal keadaan yang ditetapkan, membuat suatu perintah yang menghendaki sesuatu pihak kepada prosiding membuat pembayaran interim sebanyak apa-apa amaun yang dinyatakan dalam perintah itu, dengan peruntukan bagi pembayaran itu dibuat kepada mana-mana pihak yang satu lagi kepada prosiding itu sebagaimana yang ditentukan sedemikian atau, jika perintah itu memperuntukkan sedemikian, membayar amaun itu ke dalam Mahkamah.

(2) Apa-apa kaedah mahkamah yang membuat peruntukan mengikut subseksyen (1) boleh memasukkan peruntukan bagi membolehkan sesuatu pihak kepada apa-apa prosiding yang, menurut

sesuatu perintah itu telah membuat pembayaran interim, untuk mendapatkan keseluruhan atau sebahagian daripada amaun bayaran dalam apa-apa hal keadaan dan daripada mana-mana pihak yang satu lagi kepada prosiding itu sebagaimana yang ditentukan mengikut kaedah-kaedah itu.

(3) Apa-apa kaedah yang dibuat menurut kuasa seksyen ini boleh memasukkan peruntukan sampingan, tambahan dan berbangkit yang didapati perlu atau suai manfaat.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menyentuh perjalanan apa-apa kuasa yang berhubungan dengan kos, termasuklah apa-apa kuasa untuk membuat kaedah-kaedah mahkamah yang berhubungan dengan kos.

(5) Dalam seksyen ini “pembayaran interim”, berhubung dengan sesuatu pihak kepada apa-apa prosiding, ertinya sesuatu pembayaran disebabkan oleh apa-apa ganti rugi, hutang atau apa-apa jumlah wang lain tidak termasuk apa-apa kos yang pihak itu boleh bertanggungjawab untuk membayar kepada atau bagi faedah pihak lain kepada prosiding itu jika sesuatu penghakiman atau perintah muktamad Mahkamah dalam prosiding itu diberikan atau dibuat dengan memihak pihak yang satu lagi itu.

Bidang Kuasa Rayuan

Bidang kuasa rayuan jenayah

26. Bidang kuasa rayuan jenayah Mahkamah Tinggi hendaklah terdiri daripada pendengaran rayuan daripada mahkamah rendah mengikut mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa dalam bidang kuasa wilayah Mahkamah Tinggi itu.

Bidang kuasa rayuan sivil

27. Bidang kuasa rayuan sivil Mahkamah Tinggi hendaklah terdiri daripada pendengaran rayuan daripada mahkamah rendah sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Rayuan sivil daripada mahkamah rendah

28. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi daripada sesuatu keputusan mahkamah rendah dalam apa-apa kausa atau perkara sivil jika amaun yang dipertikaikan atau nilai hal perkara itu ialah *sepuluh ribu ringgit atau kurang, kecuali atas soal undang-undang.

(2) Sesuatu rayuan boleh dibuat daripada apa-apa keputusan mahkamah rendah dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan penyenggaraan isteri atau anak, tanpa mengira amaun yang terlibat.

Rayuan sivil hendaklah dengan cara pendengaran semula

29. Semua rayuan sivil daripada sesuatu mahkamah rendah hendaklah dengan cara pendengaran semula, dan Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa dan bidang kuasa yang sama semasa mendengar rayuan itu seperti yang dipunyai oleh Mahkamah Rayuan semasa mendengar rayuan daripada Mahkamah Tinggi.

Rujukan soal perlembagaan oleh mahkamah rendah

30. (1) Jika dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah rendah apa-apa soal berbangkit tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan, pegawai yang mengetuai mahkamah itu boleh menggantung prosiding itu dan boleh menghantar rekod prosiding itu ke Mahkamah Tinggi.

(2) Apa-apa rekod prosiding yang dihantar ke Mahkamah Tinggi di bawah seksyen ini hendaklah diperiksa oleh seorang Hakim Mahkamah itu dan jika Hakim itu memikirkan bahawa keputusan bagi soal tentang kesan sesuatu peruntukan Perlembagaan itu adalah perlu bagi memutuskan prosiding itu dia hendaklah memperlakukan kes itu mengikut seksyen 84 seolah-olah kes itu ialah suatu kes yang berada di hadapannya dalam bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi di mana soal itu berbangkit.

(3) Subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan sebagai kaedah-kaedah mahkamah bagi maksud Perkara 128(2) Perlembagaan.

*CATATAN—Peruntukan asal adalah “satu ratus ringgit” (Semakan 1972).

Dahulu “lima ratus ringgit”—lihat Akta A279.

Dahulu “lima ribu ringgit”—lihat Akta A530.

Sekarang “sepuluh ribu ringgit”—lihat Akta A670.

Penyemakan

Penyemakan prosiding jenayah mahkamah rendah

31. Mahkamah Tinggi boleh menjalankan kuasa penyemakan berkenaan dengan prosiding dan perkara jenayah di mahkamah rendah mengikut mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan tatacara jenayah.

Kuasa Mahkamah Tinggi untuk meminta rekod prosiding sivil di mahkamah rendah

32. Mahkamah Tinggi boleh meminta dan memeriksa rekod mana-mana prosiding sivil yang diadakan di hadapan mana-mana mahkamah rendah bagi maksud memuaskan hatinya tentang betulnya, sahnyanya atau patutnya mana-mana keputusan yang telah direkodkan atau diberikan, dan tentang teraturnya apa-apa prosiding mana-mana mahkamah rendah itu.

Kuasa Mahkamah Tinggi tentang semakan prosiding sivil

33. Dalam hal apa-apa prosiding sivil di mahkamah rendah yang telah diminta rekodnya atau yang secara lain telah sampai ke pengetahuannya, Mahkamah Tinggi boleh memberikan apa-apa perintah mengenai prosiding sivil itu, sama ada dengan mengarahkan suatu perbicaraan baru atau selainnya, yang difikirkan perlu bagi memastikan bahawa keadilan substansial dilakukan.

Tiada penyemakan atas kehendak pihak yang boleh membuat rayuan

34. Jika sesuatu rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan dalam apa-apa perkara sivil, dan tiada rayuan dibawa, tiada prosiding dengan cara penyemakan boleh dilayan atas kehendak pihak yang boleh membuat rayuan.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan am Mahkamah Tinggi

35. (1) Sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi oleh undang-undang ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan am ke atas semua mahkamah rendah, dan khususnya boleh, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, jika didapati perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, di mana-mana mahkamah rendah, meminta rekod bagi perkara atau prosiding itu, dan boleh memindahkannya ke Mahkamah Tinggi atau boleh memberikan apa-apa arahan kepada mahkamah rendah tentang pengendalian selanjutnya perkara atau prosiding itu sebagaimana yang diperlukan demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi meminta mana-mana rekod sebagaimana yang disebut terdahulu, segala prosiding di mahkamah rendah dalam perkara atau prosiding yang berkenaan hendaklah digantung sementara menunggu perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi.

Budi bicara Mahkamah tentang pendengaran pihak

36. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, tiada pihak boleh mempunyai apa-apa hak untuk didengar di hadapan Mahkamah Tinggi apabila Mahkamah itu menjalankan kuasa penyemakan dan pengawasannya:

Dengan syarat bahawa tiada perintah muktamad boleh dibuat yang memudaratkan mana-mana orang melainkan jika orang itu telah mendapat peluang untuk didengar.

Peruntukan khas tentang Negeri-Negeri Tanah Melayu

37. Jika dalam apa-apa prosiding jenayah di hadapan sesuatu mahkamah rendah di Negeri-Negeri Tanah Melayu suatu hukuman telah dijatuhkan oleh mahkamah itu pada menjalankan kuasa-kuasa hukuman khas yang diberikan oleh subseksyen 87(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], dan tiada notis rayuan telah dibuat terhadap hukuman itu mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa

yang berhubungan dengan tatacara jenayah, mahkamah rendah itu hendaklah menghantar rekod prosiding itu kepada Mahkamah Tinggi supaya Mahkamah Tinggi boleh memuaskan hatinya tentang betulnya, sahnyanya atau patutnya hukuman itu, dan Mahkamah Tinggi boleh sesudah itu menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 31.

BAHAGIAN III

MAHKAMAH RAYUAN

Am

Keanggotaan Mahkamah Rayuan

38. (1) Tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiap-tiap prosiding di Mahkamah Rayuan hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga orang Hakim atau oleh apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar Hakim sebagaimana yang ditentukan oleh Presiden dalam apa-apa kes tertentu.

(2) Jika Presiden tidak hadir anggota Mahkamah yang paling kanan hendaklah mengetuai.

Persidangan Mahkamah

39. (1) Mahkamah hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Presiden dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Presiden boleh, jika didapatinya suai manfaat, mengarahkan supaya apa-apa rayuan didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di Malaysia.

(2) Presiden boleh mengkensel atau menangguhkan mana-mana persidangan Mahkamah yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

Cuti

40. Presiden boleh membuat kaedah-kaedah tentang cuti Mahkamah Rayuan yang tidak melebihi satu bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

Bagaimana prosiding diputuskan

41. Prosiding hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim yang menganggotai Mahkamah itu.

Penerusan prosiding walaupun Hakim tidak hadir

42. (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding, atau, dalam hal sesuatu penghakiman tertangguh, pada bila-bila masa sebelum penyampaian penghakiman itu, mana-mana Hakim Mahkamah yang mendengar prosiding itu tidak dapat menghadiri prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan, dan penghakiman atau penghakiman tertangguh, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh, Hakim Mahkamah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan Mahkamah hendaklah, bagi maksud prosiding itu, disifatkan dianggotai dengan wajar walaupun Hakim itu tidak hadir atau tidak berdaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Dalam mana-mana hal itu sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1), prosiding itu hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim Mahkamah yang tinggal itu, dan, jika tidak ada majoriti, prosiding itu hendaklah didengar semula.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1031*).

Permohonan

43. Bilamana permohonan boleh dibuat sama ada kepada Mahkamah Tinggi atau kepada Mahkamah Rayuan, ia hendaklah pada mulanya, dibuat kepada Mahkamah Tinggi.

Arahan sampingan dan perintah interim

44. (1) Dalam apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Rayuan, apa-apa arahan yang bersampingan dengannya yang tidak melibatkan keputusan prosiding itu, apa-apa perintah interim bagi mengelakkan kemudaratan pada tuntutan pihak

sementara menunggu pendengaran prosiding itu, apa-apa perintah bagi jaminan kos dan bagi pembuangan sesuatu prosiding atas keingkaran memberikan jaminan yang diperintahkan sedemikian, boleh dibuat pada bila-bila masa oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di Mahkamah Rayuan.

(3) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilan dalam tempoh sepuluh hari selepas perintah itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Bidang Kuasa Asal

45-49. (*Dipotong oleh Akta A886*).

Bidang Kuasa Rayuan—Rayuan Jenayah

Bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan jenayah

50. (1) Tertakluk kepada mana-mana kaedah yang mengawal selia prosiding Mahkamah Rayuan berkenaan dengan rayuan jenayah, Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi—

(a) pada menjalankan bidang kuasa asalnya; dan

(b) pada menjalankan bidang kuasa rayuan atau penyemakannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen.

(2) Sesuatu rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Rayuan, dengan kebenaran Mahkamah Rayuan, terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa rayuan atau penyemakannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang diputuskan oleh Mahkamah Majistret tetapi rayuan itu hendaklah terbatas kepada soal undang-undang sahaja yang berbangkit semasa rayuan atau penyemakan itu dan penentuan oleh Mahkamah Tinggi yang melibatkan kesudahan rayuan atau penyemakan itu.

(2A) Suatu permohonan bagi kebenaran di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh keputusan Mahkamah Tinggi itu.

(3) Notis apa-apa rayuan oleh Pendakwa Raya hendaklah diberikan oleh, atau dengan persetujuan bertulis, pegawai itu sahaja; dan walau apa pun subseksyen (2), tiada kebenaran Mahkamah Rayuan dikehendaki.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, sesuatu rayuan boleh dibuat atas soal fakta atau soal undang-undang atau atas soal campuran fakta dan undang-undang.

Notis rayuan

51. (1) Tiap-tiap rayuan hendaklah melalui notis bertulis yang hendaklah difailkan dengan Pendaftar Mahkamah yang daripadanya rayuan dibuat di tempat yang keputusan yang dirayukan itu diberikan dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh keputusan itu.

(2) Tiap-tiap notis rayuan hendaklah menyatakan dengan ringkas isi penghakiman yang dirayukan, hendaklah mengandungi alamat yang apa-apa notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu atau kepada peguam belanya, dan, kecuali jika notis rayuan itu diberikan secara lisan di bawah seksyen 54, hendaklah ditandatangani oleh perayu atau peguam belanya:

Dengan syarat bahawa, dalam hal suatu rayuan di bawah subseksyen 50(2), pengiraan tempoh empat belas hari yang disebut terdahulu hendaklah bermula dari tarikh sebaik selepas kebenaran diberikan oleh Mahkamah Rayuan.

Rekod prosiding

52. (1) Apabila sesuatu notis rayuan telah difailkan Hakim yang olehnya keputusan itu dibuat hendaklah, jika dia belum lagi menulis penghakimannya, merekodkan secara bertulis alasan keputusannya, dan penghakiman bertulis atau alasan keputusan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod prosiding itu.

(2) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas notis rayuan telah difailkan, Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disampaikan kepada perayu atau peguam belanya di alamat bagi penyampaiannya yang dinyatakan di bawah subseksyen 51(2) suatu notis bahawa salinan rekod itu sudah tersedia dan boleh diperoleh atas permohonan untuk mendapatkannya atas pembayaran fi yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa dalam hal rayuan oleh Pendakwa Raya suatu salinan rekod itu hendaklah diberikan kepadanya tanpa pembayaran apa-apa fi.

Petisyen rayuan

53. (1) Dalam tempoh sepuluh hari selepas penyampaian notis yang disebut dalam subseksyen 52(2) perayu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar Mahkamah yang daripadanya rayuan dibuat suatu petisyen rayuan dan lima salinan petisyen rayuan itu yang dialamatkan kepada Mahkamah Rayuan.

(2) Tiap-tiap petisyen rayuan hendaklah ditandatangani oleh perayu atau peguam belanya dan hendaklah mengandungi butiran mengenai perkara undang-undang atau fakta yang tentangnya Mahkamah Tinggi dikatakan telah silap, dan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah Rayuan, perayu tidak boleh dibenarkan, semasa pendengaran rayuan itu, untuk bergantung pada apa-apa alasan rayuan selain yang telah dinyatakan dalam petisyen itu.

(3) Jika sesuatu petisyen tidak difailkan dalam masa yang ditetapkan oleh seksyen ini rayuan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik, tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh disifatkan menghadkan atau menyekat kuasa melanjutkan masa yang diberikan kepada Mahkamah Rayuan oleh seksyen 56.

Tatacara jika perayu berada di dalam penjara

54. (1) Jika perayu berada di dalam penjara, dia hendaklah disifatkan telah mematuhi kehendak seksyen 51 dan 53 jika dia memberikan pegawai penjaga penjara itu, sama ada secara lisan atau bertulis, notis rayuan dan butiran yang dikehendaki dimasukkan dalam petisyen rayuan itu dalam masa yang ditetapkan oleh seksyen itu.

(2) Pegawai penjara yang disebut terdahulu hendaklah dengan serta-merta menghantar notis dan petisyen itu atau maksudnya kepada Pendaftar Mahkamah yang daripadanya rayuan itu dibuat di tempat keputusan yang dirayukan itu telah diberikan.

Pemindahan kertas ke Mahkamah Rayuan

55. (1) Apabila perayu telah mematuhi seksyen 51 dan 53 Pendaftar Mahkamah yang daripadanya rayuan dibuat hendaklah dengan serta-merta menghantar kepada Mahkamah Rayuan empat salinan rekod prosiding dalam kes itu, serta empat salinan notis rayuan dan petisyen rayuan itu.

(2) Pendaftar Mahkamah yang daripadanya rayuan dibuat hendaklah juga memberikan responden atau peguam belanya suatu salinan rekod prosiding dalam kes itu dan suatu salinan notis rayuan dan petisyen rayuan itu.

Rayuan luar masa dan kecacatan formal

56. Mahkamah Rayuan boleh menurut budi bicaranya, atas permohonan mana-mana orang yang berhasrat hendak merayu yang telah dihalang daripada berbuat demikian oleh sebab dia tidak mematuhi sesuatu formaliti atau sesuatu kehendak Akta ini, membenarkan rayuan atas apa-apa terma dan dengan apa-apa arahan yang difikirkannya perlu supaya keadilan yang substansial boleh dilakukan dalam perkara itu, dan boleh, bagi maksud itu, melanjutkan apa-apa tempoh masa yang ditetapkan oleh seksyen 51 atau 53.

Atas rayuan terhadap pembebasan, tertuduh boleh ditangkap

56A. Jika sesuatu rayuan dikemukakan terhadap sesuatu pembebasan, Mahkamah Rayuan boleh mengeluarkan suatu waran yang mengarahkan supaya tertuduh ditangkap dan dibawa di hadapannya dan boleh menahannya di penjara sementara menunggu pemberesan rayuan itu atau membenarkannya dijamin.

Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan

57. (1) Kecuali dalam hal yang disebut dalam subseksyen (3) dan seksyen 56A, tiada rayuan boleh berkuat kuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan, tetapi Mahkamah Tinggi atau Mahkamah

Rayuan boleh menggantung pelaksanaan ke atas apa-apa penghakiman, perintah, sabitan atau hukuman sementara menunggu rayuan atas apa-apa terma tentang jaminan bagi pembayaran apa-apa wang atau pelaksanaan atau ketidaklaksanaan apa-apa perbuatan atau penanggungan apa-apa hukuman yang diperintahkan oleh atau dalam penghakiman, perintah, sabitan atau hukuman itu sebagaimana yang disifatkan munasabah oleh Mahkamah itu.

(2) Jika pada akhirnya perayu dihukum dengan pemenjaraan, masa yang pelaksanaan hukuman itu digantung hendaklah tidak dimasukkan dalam pengiraan tempoh hukumannya melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah Rayuan.

(3) Dalam hal sesuatu sabitan yang melibatkan hukuman mati atau hukuman jasad—

(a) hukuman itu tidak boleh sekali-kali dilaksanakan sehingga selepas tamat masa yang dalamnya notis rayuan boleh diberikan di bawah seksyen 51, atau apa-apa pelanjutan masa yang dibenarkan di bawah seksyen 56; dan

(b) jika notis diberikan sedemikian hukuman itu tidak boleh dilaksanakan sehingga selepas rayuan itu diputuskan.

Penolakan terus rayuan

58. Jika alasan rayuan tidak membangkitkan apa-apa soal undang-undang dan ternyata pada Presiden dan dua orang Hakim lain Mahkamah Rayuan bahawa keterangan mencukupi untuk menyokong sabitan itu dan bahawa tidak ada perkara dalam hal keadaan kes itu yang boleh membangkitkan suatu keraguan yang munasabah sama ada sabitan itu betul atau membawa Mahkamah Rayuan untuk menimbangkan bahawa hukuman itu patut dikurangkan, rayuan itu boleh, tanpa ditetapkan untuk pendengaran, ditolak terus oleh suatu perintah yang ditandatangani oleh Presiden, yang memperakui bahawa Hakim tersebut, setelah meneliti rekod itu, berpuas hati bahawa rayuan itu telah dibawa tanpa apa-apa alasan yang mencukupi bagi aduan dan notis penolakan itu hendaklah disampaikan kepada perayu:

Dengan syarat bahawa—

(i) jika, dalam mana-mana kes yang ditolak di bawah seksyen ini, perayu memberikan, dalam tempoh tujuh hari dari

penyampaian notis penolakan kepadanya, notis kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan mengenai permohonan bagi kebenaran untuk meminda alasan rayuannya supaya membangkitkan suatu soal undang-undang, disertai dengan suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang peguam bela yang menyatakan soal yang hendak dibangkitkan dan mengaku janji untuk menghujahkannya, Mahkamah Rayuan boleh memberi kebenaran untuk meminda dengan sewajarnya dan hendaklah memulihkan rayuan itu untuk didengar; dan

- (ii) bagi maksud seksyen ini, soal sama ada sesuatu hukuman itu patut dikurangkan hendaklah disifatkan sebagai bukan suatu soal undang-undang.

Notis dan masa pendengaran

59. Jika Mahkamah Rayuan tidak menolak terus sesuatu rayuan di bawah seksyen 58, atau jika Pendakwa Raya ialah perayu, Mahkamah Rayuan hendaklah menyebabkan notis mengenai masa dan tempat bagi pendengaran rayuan itu diberikan kepada pihak kepada rayuan itu.

Kuasa Mahkamah Rayuan

60. (1) Dalam pendengaran sesuatu rayuan Mahkamah Rayuan hendaklah mendengar perayu atau peguam belanya, jika dia hadir, dan, jika difikirkannya patut, responden atau peguam belanya, jika dia hadir, dan boleh mendengar perayu atau peguam belanya membuat jawapan dan sesudah itu Mahkamah Rayuan boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah Tinggi, atau boleh memerintahkan perbicaraan semula atau boleh menghantar balik perkara itu bersama-sama pendapat Mahkamah Rayuan mengenainya kepada mahkamah perbicaraan, atau boleh membuat apa-apa perintah lain dalam perkara itu yang padanya nampak adil, dan boleh melalui perintah itu menjalankan apa-apa kuasa yang boleh dijalankan oleh mahkamah perbicaraan:

Dengan syarat bahawa Mahkamah Rayuan boleh, walaupun ia berpendapat bahawa perkara yang dibangkitkan dalam rayuan itu boleh diputuskan dengan memihak kepada perayu, menolak rayuan itu jika didapatinya bahawa tiada apa-apa salah laksana keadilan yang substansial telah berlaku.

(2) Dalam pendengaran sesuatu rayuan Mahkamah Rayuan boleh, jika ia berpendapat bahawa suatu hukuman yang lain sepatutnya dijatuhkan, membatalkan hukuman yang telah dijatuhkan, disahkan atau diubah oleh Mahkamah Tinggi dan menjatuhkan apa-apa hukuman lain yang diwajibkan di sisi undang-undang (sama ada lebih atau kurang beratnya) sebagai menggantikan hukuman itu yang difikirkannya patut telah dijatuhkan.

(3) Mahkamah Rayuan tidak boleh sekali-kali membuat apa-apa perintah di bawah seksyen ini tentang pembayaran kos mana-mana rayuan kepada atau oleh perayu atau responden.

Keterangan tambahan

61. (1) Pada menguruskan apa-apa rayuan dalam kes jenayah Mahkamah Rayuan boleh, jika difikirkannya bahawa keterangan tambahan adalah perlu, sama ada mengambil keterangan itu sendiri atau mengarahkan supaya keterangan itu diambil oleh mahkamah perbicaraan.

(2) Apabila keterangan tambahan itu diambil oleh mahkamah perbicaraan, ia hendaklah memperakui keterangan itu, dengan suatu pernyataan pendapatnya mengenai kes yang dipertimbangkan itu tentang keterangan tambahan itu, kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan hendaklah sesudah itu meneruskan untuk membereskan rayuan itu.

(3) Pihak kepada rayuan itu hendaklah hadir apabila keterangan tambahan diambil.

(4) Pada menguruskan apa-apa rayuan dalam sesuatu kes jenayah Mahkamah Rayuan boleh juga, jika difikirkannya patut, meminta dan menerima daripada mahkamah perbicaraan suatu laporan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan perbicaraan itu.

Penghakiman

62. (1) Apabila tamatnya pendengaran sesuatu rayuan Mahkamah Rayuan hendaklah, sama ada dengan serta-merta atau pada suatu tarikh akan datang yang hendaklah ditetapkan pada waktu itu bagi maksud itu atau yang notis mengenainya hendaklah diberikan kemudiannya kepada pihak, menyampaikan penghakiman dalam mahkamah terbuka.

(2) Dalam rayuan dan perkara jenayah Mahkamah Rayuan hendaklah pada lazimnya memberikan hanya satu penghakiman, yang bolehlah diumumkan oleh Presiden atau oleh anggota lain Mahkamah Rayuan yang diarahkan oleh Presiden:

Dengan syarat bahawa penghakiman yang berasingan hendaklah diumumkan jika ditentukan sedemikian oleh Presiden.

(3) Penghakiman mana-mana anggota Mahkamah Rayuan yang tidak hadir bolehlah dibaca oleh mana-mana Hakim lain.

Penghakiman hendaklah diperakukan

63. (1) Bilamana sesuatu kes jenayah diputuskan atas rayuan, Mahkamah Rayuan hendaklah memperakukan penghakiman atau perintahnya kepada mahkamah yang berkenaan.

(2) Mahkamah yang berkenaan hendaklah sesudah itu membuat apa-apa perintah yang menepati penghakiman atau perintah Mahkamah Rayuan itu, dan, jika perlu, rekod itu hendaklah dipinda mengikut penghakiman atau perintah itu.

(3) Apabila mana-mana rayuan ditarik balik atau diberhentikan Pendaftar Mahkamah Rayuan hendaklah memberitahu mahkamah yang berkenaan itu dengan sewajarnya dan jika apa-apa penggantungan pelaksanaan telah diberikan hukuman atau perintah mahkamah perbicaraan itu atau yang telah diubah oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa rayuannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dikuatkuasakan dengan serta-merta, tetapi apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh disifatkan menghadkan atau menyekat kuasa melanjutkan masa yang diberikan kepada Mahkamah Rayuan oleh seksyen 56.

64. (*Dipotong oleh Akta A328*).

65-66. (*Dipotong oleh Akta A909*).

Bidang Kuasa Rayuan—Rayuan Sivil

Bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan sivil

67. (1) Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan terhadap apa-apa penghakiman atau perintah mana-mana Mahkamah Tinggi dalam

apa-apa kausa atau perkara sivil, sama ada yang dibuat pada menjalankan bidang kuasa asalnya atau bidang kuasa rayuannya, tertakluk walau bagaimanapun kepada undang-undang bertulis ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang mengawal selia terma-terma dan syarat-syarat yang berasaskannya rayuan itu hendaklah dibawa.

(2) Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan oleh seksyen 24A kepada Mahkamah Tinggi di bawah peruntukan yang berhubungan dengan rujukan di bawah perintah Mahkamah Tinggi.

Perkara yang tidak boleh dirayu

68. (1) Tiada rayuan boleh dibawa kepada Mahkamah Rayuan dalam mana-mana hal yang berikut:

- (a) apabila amaun atau nilai hal perkara dalam tuntutan itu (tidak termasuk bunga) kurang daripada *dua ratus lima puluh ribu ringgit, kecuali dengan kebenaran Mahkamah Rayuan;
- (b) jika penghakiman atau perintah itu dibuat dengan persetujuan pihak-pihak;
- (c) jika penghakiman atau perintah itu berhubungan dengan kos sahaja, yang mengikut undang-undang adalah terpulang kepada budi bicara Mahkamah, kecuali dengan kebenaran Mahkamah Rayuan; dan
- (d) jika, melalui mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi itu diisytiharkan dengan nyata sebagai muktamad.

(2) (*Dipotong oleh Akta A886*).

(3) Tiada rayuan boleh dibuat terhadap sesuatu keputusan seorang Hakim dalam Kamar secara terus atas sesuatu saman interplider, jika fakta tidak dipertikaikan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah Rayuan, tetapi rayuan boleh dibuat terhadap sesuatu penghakiman yang diberikan di dalam mahkamah atas perbincaraan sesuatu isu interplider.

*CATATAN—Peruntukan asal adalah “lima ratus ringgit” (Semakan 1972).

Dahulu “dua ribu lima ratus”—lihat Akta A279.

Dahulu “sepuluh ribu”—lihat Akta A530.

Dahulu “satu ratus ribu”—lihat Akta A606.

Pendengaran rayuan

69. (1) Rayuan kepada Mahkamah Rayuan hendaklah dengan cara pendengaran semula, dan berhubung dengan rayuan itu Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai segala kuasa dan kewajipan Mahkamah Tinggi tentang pindaan atau selainnya, serta kuasa budi bicara sepenuhnya untuk menerima keterangan lanjutan melalui pemeriksaan lisan di dalam mahkamah, melalui afidavit, atau melalui deposisi yang diambil di hadapan seorang pemeriksa atau pesuruhjaya.

(2) Keterangan lanjutan itu boleh diberikan tanpa kebenaran atas permohonan interlokutori, atau dalam mana-mana hal tentang perkara yang telah berlaku selepas tarikh keputusan yang terhadapnya rayuan itu dibawa.

(3) Dalam rayuan terhadap sesuatu penghakiman, selepas perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara tentang meritnya, keterangan lanjutan itu, kecuali tentang perkara yang kemudian seperti yang disebut terdahulu, boleh diterima atas alasan khas sahaja, dan tidak tanpa kebenaran Mahkamah Rayuan.

(4) Mahkamah Rayuan boleh membuat inferens fakta, dan memberikan apa-apa penghakiman, dan membuat apa-apa perintah yang sepatutnya telah diberikan atau dibuat, dan membuat apa-apa perintah lanjutan atau perintah lain sebagaimana yang dikehendaki oleh kes itu.

(5) Kuasa yang disebut terdahulu boleh dijalankan walaupun notis rayuan itu berhubungannya hanya dengan sebahagian daripada keputusan itu, dan kuasa itu boleh juga dijalankan dengan memihak kepada kesemua atau mana-mana responden atau pihak walaupun responden atau pihak itu tidak merayu terhadap atau mengadu tentang keputusan itu.

Kos rayuan

70. Mahkamah Rayuan boleh membuat apa-apa perintah tentang keseluruhan atau mana-mana bahagian kos rayuan atau kos di mahkamah bawahan sebagaimana yang adil.

Perbicaraan baru

71. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya perbicaraan baru diadakan mengenai apa-apa kausa atau perkara yang dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa asalnya atau bidang kuasa rayuannya.

(2) Perbicaraan baru tidak boleh dibenarkan atas alasan penerimaan atau penolakan tidak wajar keterangan melainkan jika pada pendapat Mahkamah Rayuan kesalahan yang substansial atau salah laksana keadilan telah disebabkan olehnya; dan jika ternyata pada Mahkamah Rayuan bahawa kesalahan atau salah laksana itu menyentuh sebahagian sahaja daripada perkara yang menjadi kontroversi, atau beberapa atau satu sahaja daripada pihak, Mahkamah Rayuan boleh memberikan penghakiman muktamad tentang sebahagian daripadanya, atau tentang beberapa atau satu sahaja daripada pihak itu, dan mengarahkan perbicaraan baru tentang bahagian yang lain itu sahaja, atau tentang pihak atau pihak-pihak yang lain itu.

(3) Perbicaraan baru boleh diperintahkan atas apa-apa soal tanpa mengganggu dapatan atau keputusan mahkamah bawahan atas apa-apa soal lain.

Kesilapan tidak material

72. Tiada penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi, atau mana-mana Hakim boleh diakas atau diubah secara substansial atas rayuan, dan tiada perbicaraan baru boleh diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan, kerana apa-apa kesilapan, kecacatan atau luar aturan, sama ada dalam keputusannya atau selainnya, yang tidak melibatkan merit atau bidang kuasa Mahkamah.

Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan

73. Sesuatu rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan atau prosiding di bawah keputusan yang dirayukan melainkan jika mahkamah bawahan atau Mahkamah Rayuan memerintahkan sedemikian dan tiada tindakan atau prosiding perantaraan boleh menjadi tidak sah kecuali setakat yang diarahkan oleh Mahkamah Rayuan.

BAHAGIAN IV*MAHKAMAH PERSEKUTUAN***Am***Keanggotaan Mahkamah Persekutuan**

74. (1) Tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiap-tiap prosiding di Mahkamah Persekutuan hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga orang Hakim atau oleh apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar Hakim sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Negara dalam apa-apa kes tertentu.

(2) Jika Ketua Hakim Negara tidak hadir, anggota Mahkamah yang paling kanan hendaklah mengetuai.

Persidangan Mahkamah

75. (1) Mahkamah hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Ketua Hakim Negara boleh, jika didapatinya suai manfaat, mengarahkan supaya apa-apa rayuan didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di Malaysia.

(2) Ketua Hakim Negara boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Mahkamah yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

Cuti

76. Ketua Hakim Negara boleh membuat kaedah-kaedah tentang cuti Mahkamah Persekutuan yang tidak melebihi satu bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

Bagaimana prosiding diputuskan

77. Prosiding hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim yang menganggotai Mahkamah itu.

*CATATAN—Peruntukan asal bagi BAHAGIAN IV telah dimansuhkan oleh Akta A600—lihat seksyen 2 dan 3 Akta tersebut.

Penerusan prosiding walaupun Hakim tidak hadir

78. (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding, atau, dalam hal sesuatu penghakiman tertangguh, pada bila-bila masa sebelum penyampaian penghakiman itu, mana-mana Hakim Mahkamah yang mendengar prosiding itu tidak dapat menghadiri prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan, dan penghakiman atau penghakiman tertangguh mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah diberikan oleh, Hakim Mahkamah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan Mahkamah hendaklah, bagi maksud prosiding itu, disifatkan dianggotai dengan wajar walaupun Hakim itu tidak hadir atau tidak berdaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Dalam mana-mana hal itu sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1), prosiding itu hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim Mahkamah yang tinggal itu, dan, jika tidak ada majoriti prosiding itu hendaklah didengar semula.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1031*).

Permohonan

79. Bilamana permohonan boleh dibuat sama ada kepada Mahkamah Rayuan atau kepada Mahkamah Persekutuan, ia hendaklah pada mula-mulanya dibuat kepada Mahkamah Rayuan.

Arahan sampingan dan perintah interim

80. (1) Dalam apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Persekutuan apa-apa arahan yang bersampingan dengannya yang tidak melibatkan keputusan prosiding itu, apa-apa perintah interim bagi mengelakkan kemudaratan pada tuntutan pihak sementara menunggu pendengaran prosiding itu, apa-apa perintah bagi jaminan kos dan bagi pembuangan sesuatu prosiding atas keingkaran memberikan jaminan yang diperintahkan sedemikian boleh dibuat pada bila-bila masa oleh seorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di Mahkamah Persekutuan.

(3) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilan dalam tempoh sepuluh hari selepas perintah itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Bidang Kuasa Asal

Bidang kuasa dan kuasa

81. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dalam Akta ini Mahkamah Persekutuan bagi maksud bidang kuasanya di bawah Perkara 128(1) dan (2) Perlembagaan (dalam Akta ini dipanggil “bidang kuasa asal”), hendaklah mempunyai bidang kuasa yang sama dan boleh menjalankan kuasa yang sama seperti yang dipunyai dan boleh dijalankan oleh Mahkamah Tinggi.

Penghakiman hendaklah bersifat perisytiharan

82. Mahkamah Persekutuan pada menjalankan bidang kuasa asalnya di bawah Perkara 128(1)(b) Perlembagaan berkenaan dengan sesuatu pertikaian antara Negeri dengan Negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri tidak boleh mengumumkan apa-apa penghakiman selain penghakiman perisytiharan.

Kos

83. Mahkamah Persekutuan tidak boleh membuat apa-apa perintah tentang kos bagi apa-apa prosiding yang diadakan di bawah bidang kuasa asalnya:

Dengan syarat bahawa dalam apa-apa prosiding di bawah seksyen 84 Mahkamah Tinggi boleh membuat apa-apa perintah tentang kos berkenaan dengan prosiding di Mahkamah Persekutuan.

Rujukan soal perlembagaan oleh Mahkamah Tinggi

84. (1) Jika dalam apa-apa prosiding di Mahkamah Tinggi suatu soal berbangkit mengenai kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan, Hakim yang mendengar prosiding itu boleh menggantung prosiding itu atas apa-apa terma yang adil untuk menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai soal itu.

(2) Suatu perintah yang menggantung prosiding di bawah seksyen ini boleh dibuat oleh Hakim atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dan hendaklah dibuat pada apa-apa peringkat prosiding itu yang difikirkan patut oleh Hakim setelah mengambil kira keputusan apa-apa soal fakta sebagaimana yang perlu diselesaikan bagi membantu Mahkamah Persekutuan dalam memutuskan soal yang telah berbangkit itu dan kepada penyelesaian muktamad prosiding itu dengan cepat dan ekonomi.

(3) Jika suatu perintah penggantungan prosiding telah dibuat di bawah seksyen ini, Hakim hendaklah menyatakan soal yang pada pendapatnya telah berbangkit tentang kesan Perlembagaan dalam bentuk kes khas yang setakat yang boleh hendaklah menyatakan soal tersebut dalam suatu bentuk yang akan membolehkan suatu jawapan diberikan dalam bentuk mengia atau menidakkan.

(4) Jika seorang Hakim telah menyatakan suatu kes khas di bawah seksyen ini kes khas itu hendaklah dihantar kepada Mahkamah Persekutuan mengikut kaedah-kaedah mahkamah bagi Mahkamah Persekutuan.

Prosiding di Mahkamah Persekutuan

85. (1) Jika suatu kes khas telah dihantar ke Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen 84, Mahkamah Persekutuan hendaklah, tertakluk kepada apa-apa kaedah mahkamah bagi Mahkamah Persekutuan, memperlakukan kes itu dan mendengar dan memutuskannya dengan cara yang sama seperti suatu rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

(2) Apabila Mahkamah Persekutuan telah memutuskan apa-apa kes khas di bawah seksyen ini Mahkamah Tinggi yang dalamnya prosiding yang dalam perjalanannya kes itu dinyatakan menunggu penyelesaian hendaklah meneruskan dan membereskan prosiding itu mengikut penghakiman Mahkamah Persekutuan dan selainnya mengikut undang-undang.

*Bidang Kuasa Rayuan—Rayuan Jenayah***Bidang kuasa dan kuasa**

86. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, pada menjalankan bidang kuasa rayuannya, Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai bidang kuasa yang sama, boleh menjalankan kuasa yang sama dan boleh membuat apa-apa perintah yang dipunyai dan boleh dijalankan atau dibuat oleh Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi.

Bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan jenayah

87. (1) Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Rayuan dalam bidang kuasa rayuannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa asalnya tertakluk kepada apa-apa kaedah yang mengawal selia prosiding Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan rayuan daripada Mahkamah Rayuan.

(2) Notis apa-apa rayuan oleh Pendakwa Raya hendaklah diberikan oleh, atau dengan persetujuan bertulis, pegawai itu sahaja.

(3) Sesuatu rayuan boleh dibuat atas soal fakta atau soal undang-undang atau atas soal campuran fakta dan undang-undang.

Atas rayuan terhadap pembebasan, tertuduh boleh ditangkap

88. Jika sesuatu rayuan dikemukakan terhadap sesuatu pembebasan, Mahkamah Persekutuan boleh mengeluarkan suatu waran yang mengarahkan supaya tertuduh ditangkap dan dibawa di hadapannya dan boleh menahannya di penjara sementara menunggu pemberesan rayuan itu atau membenarkannya dijamin.

Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan

89. (1) Kecuali dalam hal yang disebut dalam subseksyen (3) dan seksyen 88, tiada rayuan boleh berkuat kuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan apa-apa penghakiman, perintah, sabitan

atau hukuman sementara menunggu rayuan atas apa-apa terma tentang jaminan bagi pembayaran apa-apa wang atau pelaksanaan atau ketidaklaksanaan apa-apa perbuatan atau penanggungan apa-apa hukuman yang diperintahkan oleh atau dalam penghakiman, perintah, sabitan atau hukuman itu sebagaimana yang disifatkan munasabah oleh Mahkamah itu.

(2) Jika pada akhirnya perayu dihukum dengan pemenjaraan, masa yang pelaksanaan hukuman itu digantung hendaklah tidak dimasukkan dalam pengiraan tempoh masa hukumannya melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah Persekutuan.

(3) Dalam hal sesuatu sabitan yang melibatkan hukuman mati atau hukuman jasad—

- (a) hukuman itu tidak boleh sekali-kali dilaksanakan sehingga selepas tamat masa yang dalamnya notis rayuan boleh diberikan atau apa-apa pelanjutan masa yang dibenarkan; dan
- (b) jika notis diberikan sedemikian hukuman itu tidak boleh dilaksanakan sehingga selepas rayuan itu diputuskan.

Penolakan terus rayuan

90. Jika alasan rayuan tidak membangkitkan apa-apa soal undang-undang dan ternyata pada Ketua Hakim Negara dan dua orang Hakim lain Mahkamah Persekutuan bahawa keterangan mencukupi untuk menyokong sabitan itu dan bahawa tidak ada perkara dalam hal keadaan kes itu yang boleh membangkitkan suatu keraguan yang munasabah sama ada sabitan itu betul atau membawa Mahkamah Persekutuan untuk menimbangkan bahawa hukuman itu patut dikurangkan, rayuan itu boleh, tanpa ditetapkan untuk pendengaran, ditolak terus oleh suatu perintah yang ditandatangani oleh Ketua Hakim Negara, yang memperakui bahawa Hakim tersebut, setelah meneliti rekod itu, berpuas hati bahawa rayuan itu telah dibawa tanpa apa-apa alasan yang mencukupi bagi aduan dan notis penolakan itu hendaklah disampaikan kepada perayu:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika, dalam mana-mana kes yang ditolak di bawah seksyen ini, perayu memberikan, dalam tempoh tujuh hari dari penyampaian notis penolakan kepadanya, notis kepada Pendaftar Mahkamah Persekutuan mengenai permohonan

bagi kebenaran untuk meminda alasan rayuannya supaya membangkitkan suatu soal undang-undang, disertai dengan suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang peguam bela yang menyatakan soal yang hendak dibangkitkan dan mengaku janji untuk menghujahkannya, Mahkamah Persekutuan boleh memberi kebenaran untuk meminda dengan sewajarnya dan hendaklah memulihkan rayuan itu untuk didengar; dan

- (ii) bagi maksud seksyen ini, soal sama ada sesuatu hukuman itu patut dikurangkan hendaklah disifatkan sebagai bukan suatu soal undang-undang.

Notis dan masa pendengaran

91. Jika Mahkamah Persekutuan tidak menolak terus sesuatu rayuan di bawah seksyen 90, atau jika Pendakwa Raya ialah perayu, Mahkamah Persekutuan hendaklah menyebabkan notis mengenai masa dan tempat bagi pendengaran rayuan itu diberikan kepada pihak kepada rayuan itu.

Kuasa Mahkamah Persekutuan

92. (1) Dalam pendengaran sesuatu rayuan Mahkamah Persekutuan hendaklah mendengar perayu atau peguam belanya, jika dia hadir, dan, jika difikirkannya patut, responden atau peguam belanya, jika dia hadir, dan boleh mendengar perayu atau peguam belanya membuat jawapan, dan sesudah itu Mahkamah Persekutuan boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah Rayuan, atau boleh memerintahkan perbicaraan semula atau boleh menghantar balik perkara itu bersama-sama pendapat Mahkamah Persekutuan mengenainya kepada Mahkamah Tinggi, atau boleh membuat apa-apa perintah lain dalam perkara itu yang padanya nampak adil, dan boleh melalui perintah itu menjalankan apa-apa kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi:

Dengan syarat bahawa Mahkamah Persekutuan boleh, walaupun ia berpendapat bahawa perkara yang dibangkitkan dalam rayuan itu boleh diputuskan dengan memihak kepada perayu, menolak rayuan itu jika didapatinya bahawa tiada apa-apa salah laksana keadilan yang substansial telah berlaku.

(2) Dalam pendengaran sesuatu rayuan Mahkamah Persekutuan boleh, jika ia berpendapat bahawa suatu hukuman yang lain sepatutnya dijatuhkan, membatalkan hukuman yang telah dijatuhkan, disahkan atau diubah oleh Mahkamah Rayuan dan menjatuhkan apa-apa hukuman lain yang diwajibkan di sisi undang-undang (sama ada lebih atau kurang beratnya) sebagai menggantikan hukuman itu yang difikirkannya patut telah dijatuhkan.

(3) Mahkamah Persekutuan tidak boleh sekali-kali membuat apa-apa perintah di bawah seksyen ini tentang pembayaran kos mana-mana rayuan kepada atau oleh perayu atau responden.

Keterangan tambahan

93. (1) Pada menguruskan apa-apa rayuan dalam kes jenayah Mahkamah Persekutuan boleh, jika difikirkannya bahawa keterangan tambahan adalah perlu, sama ada mengambil keterangan itu sendiri atau mengarahkan supaya keterangan itu diambil oleh Mahkamah Tinggi.

(2) Apabila keterangan tambahan itu diambil oleh Mahkamah Tinggi, ia hendaklah memperakui keterangan itu, dengan suatu pernyataan pendapatnya mengenai kes yang dipertimbangkan itu tentang keterangan tambahan itu, kepada Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Persekutuan hendaklah sesudah itu meneruskan untuk membereskan rayuan itu.

(3) Pihak kepada rayuan itu hendaklah hadir apabila keterangan tambahan diambil.

(4) Pada menguruskan apa-apa rayuan dalam sesuatu kes jenayah Mahkamah Persekutuan boleh juga, jika difikirkannya patut, meminta dan menerima daripada Mahkamah Tinggi suatu laporan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan perbicaraan itu.

Penghakiman

94. (1) Apabila tamatnya pendengaran sesuatu rayuan, Mahkamah Persekutuan hendaklah, sama ada dengan serta-merta atau pada suatu tarikh akan datang yang hendaklah ditetapkan pada waktu itu bagi maksud itu atau yang notis mengenainya hendaklah diberikan kemudiannya kepada pihak, menyampaikan penghakiman dalam mahkamah terbuka.

(2) Dalam rayuan dan perkara jenayah Mahkamah Persekutuan hendaklah pada lazimnya memberikan hanya satu penghakiman, yang bolehlah diumumkan oleh Ketua Hakim Negara atau oleh anggota lain Mahkamah Persekutuan yang diarahkan oleh Ketua Hakim Negara:

Dengan syarat bahawa penghakiman yang berasingan hendaklah diumumkan jika ditentukan sedemikian oleh Ketua Hakim Negara.

(3) Penghakiman mana-mana anggota Mahkamah Persekutuan yang tidak hadir bolehlah dibaca oleh mana-mana Hakim lain.

Penghakiman hendaklah diperakukan

95. (1) Bilamana sesuatu kes jenayah diputuskan atas rayuan, Mahkamah Persekutuan hendaklah memperakukan penghakiman atau perintahnya kepada mahkamah yang berkenaan.

(2) Mahkamah yang berkenaan hendaklah sesudah itu membuat apa-apa perintah yang menepati penghakiman atau perintah Mahkamah Persekutuan itu, dan, jika perlu, rekod itu hendaklah dipinda mengikut penghakiman atau perintah itu.

(3) Apabila mana-mana rayuan ditarik balik atau diberhentikan Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah memberitahu mahkamah yang berkenaan itu dengan sewajarnya dan, jika apa-apa penggantungan pelaksanaan telah diberikan, hukuman atau perintah Mahkamah Tinggi atau yang telah diubah oleh Mahkamah Rayuan itu hendaklah dikuatkuasakan dengan serta-merta.

Bidang Kuasa Rayuan—Rayuan Sivil

Syarat-syarat rayuan

***96.** Tertakluk kepada mana-mana kaedah yang mengawal selia prosiding Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan rayuan daripada Mahkamah Rayuan, sesuatu rayuan bolehlah dibuat daripada Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan dengan kebenaran Mahkamah Persekutuan—

(a) daripada apa-apa penghakiman atau perintah Mahkamah Rayuan berkenaan dengan apa-apa kausa atau perkara

* *CATATAN*—Pindaan ini hendaklah terpakai bagi apa-apa permohonan bagi kebenaran untuk merayu yang masih belum selesai di Mahkamah Persekutuan dan tidaklah menyentuh apa-apa perintah yang dibuat sebelum ini oleh Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan apa-apa permohonan bagi kebenaran untuk merayu dan tiada perintah sedemikian boleh dibatalkan—*lihat* seksyen 8(2) & (3) [Akta A1031].

sivil yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa asalnya yang melibatkan soal prinsip am yang diputuskan buat pertama kali atau soal yang penting yang akan diujahkan secara lanjut dan suatu keputusan Mahkamah Persekutuan akan memberi kebaikan kepada awam; atau

- (b) daripada apa-apa keputusan tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan termasuklah kesahan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana peruntukan itu.

Kebenaran untuk merayu

97. (1) Sesuatu permohonan di bawah seksyen 96 bagi kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan yang dirayukan itu diberikan, atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah.

(2) Jika penghakiman yang dirayukan itu menghendaki perayu membayar wang atau melaksanakan sesuatu kewajipan, Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa, apabila memberi kebenaran untuk merayu, sama ada untuk mengarahkan supaya penghakiman itu dilaksanakan atau supaya pelaksanaannya digantung sementara menunggu rayuan itu, sebagaimana yang nampak adil pada Mahkamah; dan sekiranya Mahkamah mengarahkan supaya penghakiman itu dilaksanakan, orang yang kepadanya penghakiman itu memihak hendaklah, sebelum pelaksanaannya, memberikan jaminan yang baik dan mencukupi sehingga memuaskan hati Mahkamah itu bagi pelaksanaan yang wajar apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan untuk memberikan kuat kuasa kepadanya.

(3) Walau apa pun seksyen 74, sesuatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan boleh didengar oleh seorang Hakim Mahkamah itu, dan apa-apa arahan atau perintah yang boleh diberikan atau dibuat oleh Mahkamah atas permohonan itu boleh diberikan atau dibuat oleh Hakim itu.

(4) Apa-apa arahan atau perintah yang diberikan atau dibuat di bawah subseksyen (3) boleh, apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilang dalam tempoh sepuluh hari selepas arahan atau perintah itu diberikan atau dibuat, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Tatacara untuk menguatkuasakan perintah Mahkamah Persekutuan

98. Mana-mana orang yang berhasrat untuk menguatkuasakan atau mendapatkan pelaksanaan apa-apa perintah Mahkamah Persekutuan hendaklah memfailkan dalam mahkamah perbicaraan suatu salinan perintah itu yang diperakui yang hendaklah dikuatkuasakan atau dilaksanakan dengan cara yang sama sebagaimana penghakiman Mahkamah Rayuan dikuatkuasakan atau dilaksanakan.

Kos

99. (1) Kos yang ditanggung dalam pendakwaan apa-apa rayuan atau permohonan bagi kebenaran untuk merayu di bawah Bahagian ini hendaklah dibayar oleh mana-mana pihak, orang yang diarahkan oleh Mahkamah Persekutuan melalui perintah dan amaun apa-apa kos itu hendaklah ditetapkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan mengikut kaedah-kaedah mahkamah.

(2) Mahkamah Persekutuan boleh membuat apa-apa perintah tentang keseluruhan atau mana-mana bahagian kos di dalam Mahkamah Persekutuan, atau di dalam Mahkamah Rayuan atau di dalam Mahkamah Tinggi sebagaimana yang adil.

Perbicaraan baru

100. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya perbicaraan baru diadakan mengenai apa-apa kausa atau perkara yang dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa asalnya atau bidang kuasa rayuannya.

(2) Perbicaraan baru tidak boleh dibenarkan atas alasan penerimaan atau penolakan tidak wajar keterangan melainkan jika pada pendapat Mahkamah Persekutuan kesalahan yang substansial atau salah laksana keadilan telah disebabkan olehnya; dan jika ternyata pada Mahkamah Persekutuan bahawa kesalahan atau salah laksana itu menyentuh sebahagian sahaja daripada perkara yang menjadi kontroversi, atau beberapa atau satu sahaja daripada pihak, Mahkamah Persekutuan boleh memberikan penghakiman muktamad tentang sebahagian daripadanya, atau tentang beberapa atau salah satu sahaja daripada pihak itu, dan mengarahkan perbicaraan baru tentang bahagian yang lain itu sahaja, atau tentang pihak atau pihak yang lain itu.

(3) Perbicaraan baru boleh diperintahkan atas apa-apa soal tanpa mengganggu dapatan atau keputusan mahkamah bawahan atas apa-apa soal lain.

Kesilapan tidak material

101. Tiada penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi, atau mana-mana Hakim, boleh diakas atau diubah secara substansial atas rayuan, dan tiada perbicaraan baru boleh diperintahkan oleh Mahkamah Persekutuan, kerana apa-apa kesilapan, kecacatan atau luar aturan, sama ada dalam keputusannya atau selainnya, yang tidak melibatkan merit atau bidang kuasa Mahkamah.

Rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan

102. Sesuatu rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan atau prosiding di bawah keputusan yang dirayukan melainkan jika mahkamah bawahan atau Mahkamah Persekutuan memerintahkan sedemikian dan tiada tindakan atau prosiding perantaraan boleh menjadi tidak sah kecuali setakat yang diarahkan oleh Mahkamah Persekutuan.

JADUAL

[Subseksyen 25(2)]

KUASA TAMBAHAN MAHKAMAH TINGGI

Writ prerogatif

1. Kuasa untuk mengeluarkan arahan, perintah atau writ, termasuklah writ yang bersifat *habeas corpus*, *mandamus*, larangan, *quo warranto* dan *certiorari*, atau mana-mana yang lain, kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi menguatkuasakan hak yang diberikan oleh Bahagian II Perlembagaan, atau mana-mana daripadanya, atau bagi apa-apa maksud.

Distres untuk sewa

2. Kuasa untuk mengeluarkan dan menguatkuasakan writ atau waran distres untuk tunggakan sewa.

Pecah milik tanah

3. Kuasa untuk mengarahkan penjualan sebagai ganti pecah milik dalam apa-apa tindakan untuk pecah milik tanah; dan dalam apa-apa kausa atau perkara yang berhubungan dengan tanah, jika didapati perlu atau suai manfaat, untuk memerintahkan supaya tanah itu atau mana-mana bahagiannya dijual, dan untuk memberikan segala arahan yang perlu dan berbangkit.

Penjualan tanah

4. Kuasa untuk memerintahkan supaya tanah digadaikan atau digadai janji dalam mana-mana hal yang dalamnya ada bidang kuasa untuk memerintahkan penjualan.

Interplider

5. Kuasa untuk memberikan relief dengan cara interplider—

(a) jika orang yang meminta relief itu adalah di bawah liabiliti bagi apa-apa hutang, wang, atau barangan atau catel, yang baginya atau berkenaan dengannya dia telah, atau dijangka akan, didakwa oleh dua pihak atau lebih yang membuat tuntutan bertentangan ke atas hutang, wang, barangan atau catel itu; dan

(b) jika seseorang Syerif, bailif atau pegawai mahkamah yang lain dipertanggungjawabkan dengan pelaksanaan proses mahkamah, dan tuntutan dibuat ke atas apa-apa wang atau barang atau catel yang diambil atau dicadangkan diambil dalam pelaksanaan di bawah apa-apa proses, atau ke atas hasil atau nilai mana-mana barang atau catel itu oleh mana-mana orang selain orang yang terhadapnya proses itu dikeluarkan, dan untuk memerintahkan penjualan apa-apa harta yang tertakluk kepada prosiding interplider.

Pemeliharaan harta

6. Kuasa untuk memperuntukkan bagi pemeliharaan interim harta yang menjadi hal perkara apa-apa kausa atau perkara melalui penjualan atau melalui injunksi atau pelantikan seorang penerima atau pendaftaran suatu kaveat atau suatu *lis pendens* atau dengan apa jua pun cara lain.

Bunga

7. Kuasa untuk mengarahkan supaya bunga dibayar ke atas hutang, termasuk hutang penghakiman, atau ke atas jumlah wang yang didapati kena dibayar semasa mengambil akaun antara pihak, atau ke atas jumlah wang yang didapati kena dibayar dan tidak dibayar oleh penerima atau orang lain yang bertanggungjawab memberikan akaun kepada Mahkamah.

Masa

8. Kuasa untuk melanjutkan atau memendekkan masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis bagi melakukan apa-apa tindakan atau mengambil apa-apa prosiding, walaupun apa-apa permohonan baginya tidak dibuat sehingga selepas habisnya masa yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa peruntukan ini tidaklah menjejaskan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan had masa.

Writ penyitaan dan penjualan

9. Kuasa untuk menguatkuasakan penghakiman Mahkamah bagi pembayaran wang kepada mana-mana orang atau ke dalam Mahkamah melalui suatu writ, yang hendaklah dinamakan writ penyitaan dan penjualan, yang di bawahnya segala harta, alih atau tak alih, daripada apa jua pun perihalannya, seseorang penghutang penghakiman boleh disita, kecuali harta yang dikecualikan daripada penyitaan dan penjualan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Pelaksanaan lain

10. Kuasa untuk menguatkuasakan sesuatu penghakiman Mahkamah dengan apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah.

Res judicata

11. Kuasa untuk membuang atau menggantung prosiding jika perkara yang menjadi persoalan itu adalah *res judicata* antara pihak, atau jika oleh sebab berbilangnya prosiding di mana-mana mahkamah atau mahkamah-mahkamah, prosiding itu tidak sepatutnya diteruskan.

Pemindahan prosiding

12. Kuasa untuk memindahkan mana-mana prosiding kepada mana-mana Mahkamah lain atau kepada atau daripada mana-mana mahkamah rendah, dan dalam hal pemindahan kepada atau daripada mahkamah rendah untuk memberikan ap-apa arahan tentang penjalanan selanjutnya:

Dengan syarat bahawa kuasa ini hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

Tolakan

13. Kuasa untuk membenarkan pembelaan tolakan.

Penzahiran dan interogatori

14. Kuasa untuk memerintahkan penzahiran fakta atau dokumen oleh mana-mana pihak atau orang mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

Kos

15. Kuasa untuk mengawardkan kos.

Penyempurnaan dokumen

16. Kuasa untuk menyempurnakan, atau untuk mengarahkan mana-mana pegawainya untuk menyempurnakan, apa-apa pindah milik, pemindahhakkan, penyerahhakkan, kontrak atau dokumen lain, termasuk sesuatu pengendorsan pada sesuatu surat cara boleh niaga, yang mana-mana orang telah diperintahkan oleh Mahkamah supaya menyempurnakan, jika dia telah abai atau enggan menyempurnakannya atau berada di luar bidang kuasa, dan yang demikian itu hendaklah berkuat kuasa bagi segala tujuan seolah-olah telah disempurnakan oleh orang itu.

Litigan yang menyusahkan

17. Kuasa untuk menyekat mana-mana orang yang secara kebiasaan dan dengan mendesak dan tanpa sebab yang munasabah memulakan prosiding undang-undang yang menyusahkan di mana-mana mahkamah, sama ada terhadap orang yang sama atau yang berlainan, daripada memulakan apa-apa prosiding undang-undang di mana-mana mahkamah kecuali dengan kebenaran seorang Hakim. Suatu salinan mana-mana perintah itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 91

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 35/1964	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1964	16-03-1964
P.U. 400/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Mahkamah Kehakiman) 1966	03-11-1966
Ord. 14/1969 (P.U. (A) 521/1969)	Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No. 14 1969	19-12-1969
P.U.(A) 7/1970	Pembetulan kepada Ordinan 14/1969	09-01-1970
Akta A33	Akta Mahkamah (Pindaan) 1971	30-04-1971
Akta A63	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1971	31-08-1971
Akta A126	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1972	01-11-1972
Akta A279	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1975	01-01-1975
Akta A160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A328	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1976	23-01-1976; s. 13: 01-01-1978
Akta A514	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981	27-08-1976
P.U. (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	01-06-1981

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A530	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1982	23-02-1982
Akta A556	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1983	13-05-1983
Akta A566	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983	16-12-1983; s. 3: 01-02-1974 s. 15-17: 01-01-1985
Akta A600	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1984	01-01-1985
Akta A606	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2) 1984	01-01-1985
Akta A670	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1987	22-05-1987
Akta A671	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987	22-05-1987
Akta A746	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1990	12-01-1990
Akta A886	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994	24-06-1994
Akta A909	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1995	24-06-1994
Akta A940	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1996	02-02-1996
Akta A1031	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998	01-08-1998

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 91

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
3	P.U. 400/1966	03-11-1966
	Akta A126	01-11-1972
	Akta A328	23-01-1976
	Akta A606	01-01-1985
	Akta A886	24-06-1994
	Akta A1031	01-08-1998
5	Akta A126	01-11-1972
	Akta A606	01-01-1985
6	Akta A886	24-06-1994
7	Akta A126	01-11-1972
	Akta A886	24-06-1994
8	Akta A556	13-05-1983
	Akta A886	24-06-1994
	Akta A940	02-02-1996
9	Ord. 14/1969	19-12-1969
	Akta A33	30-04-1971
	Akta A746	12-01-1990
	Akta A886	24-06-1994
	Akta A940	02-02-1996
10	Akta A126	01-11-1972
	Akta A671	22-05-1987
	Akta A886	24-06-1994
	Akta A1031	01-08-1998
11	Akta A126	01-11-1972
	Akta A886	24-06-1994
12	Akta A126	01-11-1972
13	Akta A886	24-06-1994
14	P.U. 400/1966	03-11-1966
	Akta A126	01-11-1972

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
16	Akta A126 Akta A606 Akta A886	01-11-1972 01-01-1985 24-06-1994
17	P.U. 400/1966 Ord. 14/1969 Akta A126 Akta A746 Akta A886	03-11-1966 19-12-1969 01-11-1972 12-01-1990 24-06-1994
17A	P.U. (A) 7/1970 Akta A33 Akta A126 Akta A886	09-01-1970 30-04-1971 01-11-1972 24-06-1994
18	Akta A940	02-02-1996
19	Akta A886	24-06-1994
20	Akta A886	24-06-1994
21	Akta A886	24-06-1994
22	Akta A328	23-01-1976
23	P.U. 400/1966	03-11-1966
24	Akta A606 Akta A670	01-01-1985 22-05-1987
24A	Akta A126	01-11-1972
25	P.U. 400/1966	03-11-1966
25A	Akta A606	01-01-1985
28	Akta A279 Akta A530 Akta A670	01-01-1975 23-02-1982 22-05-1987
29	Akta A886	24-06-1994
30	Akta 35/1964	16-03-1964
37	Akta A556	13-05-1983
38	Akta A886	24-06-1994
39	Akta A886	24-06-1994

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
40	Akta A886	24-06-1994
42	Akta A1031	01-08-1998
43	Akta A886	24-06-1994
44	Akta A1031	01-08-1998
45	Akta A886	24-06-1994
46	Akta A886	24-06-1994
47	Akta A886	24-06-1994
48	Akta 35/1964 Akta A886	16-03-1964 24-06-1994
49	Akta A886	24-06-1994
50	Akta A328 Akta A530 Akta A556 Akta A606 Akta A886 Akta A909	23-01-1976 23-02-1982 13-05-1983 01-01-1985 24-06-1994 24-06-1994
51	Akta A886 Akta A909	24-06-1994 24-06-1994
52	Akta A328 Akta A909	23-01-1976 24-06-1994
53	Akta A909	24-06-1994
55	Akta A328	23-01-1976
56A	Akta A328	23-01-1976
57	Akta A328 Akta A909	23-01-1976 24-06-1994
59	Akta A328	23-01-1976
60	Akta A909	24-06-1994
61	Akta A909	24-06-1994
63	Akta A909	24-06-1994
64	Akta A328	23-01-1976

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
65	Akta A909	24-06-1994
66	Akta A328 Akta A530 Akta A909	23-01-1976 23-02-1982 24-09-1994
67	Akta A126 Akta A909	01-11-1972 24-06-1994
68	Akta A279 Akta A530 Akta A606 Akta A670 Akta A886	01-01-1975 23-02-1982 01-01-1985 22-05-1987 24-06-1994
74	Akta A63 Akta A328 Akta A530 Akta A600 Akta A886	31-08-1971 01-01-1978 23-02-1982 01-01-1985 24-06-1994
75	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
76	Akta A886	24-06-1994
77	Akta A886	24-06-1994
78	Akta A886 Akta A1031	24-06-1994 01-08-1998
79	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
80	Akta A600 Akta A886 Akta A1031	01-01-1985 24-06-1994 01-08-1998
81	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
82	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
83	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
84	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
85	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
86	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
87	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
88	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
89	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
90	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
91	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
92	Akta A600 Akta A886 Akta A909	01-01-1985 24-06-1994 24-06-1994
93	Akta A600 Akta A886 Akta A909	01-01-1985 24-06-1994 24-06-1994
94	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
95	Akta A600 Akta A886 Akta A909	01-01-1985 24-06-1994 24-06-1994
96	Akta A600 Akta A886 Akta A909 Akta A1031	01-01-1985 24-06-1994 24-06-1994 01-08-1998
97	Akta A600 Akta A886 Akta A1031	01-01-1985 24-06-1994 01-08-1998
98	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
99	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
100	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
101	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
102	Akta A600 Akta A886	01-01-1985 24-06-1994
Keseluruhan Akta	Akta 160	29-08-1975
